

Filipina minta Malaysia sokong jadi pemerhati persidangan OIC

BH - 3 MAR 2000

PUTRAJAYA, Khamis – Kerajaan Filipina meminta Malaysia menyokong hasratnya untuk mendapatkan status sebagai negara pemerhati pada mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadual diadakan di sini Jun depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Filipina berharap supaya permintaan itu dapat dipertimbangkan memandangkan ini adalah kali pertama mesyuarat itu diadakan oleh negara di Asean.

“Kita akan mengambil kira permintaan kerajaan Filipina ini walaupun kini Nur Misuari mewakili Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) memang ada menjadi pemerhati pada persidangan OIC yang diadakan sebelum ini.

“Tetapi kedudukan Nur Misuari bukannya sebagai wakil Kerajaan Filipina sebaliknya hanya mewakili MNLF,” katanya pada sidang akhbar sempena kunjungan hormat Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina, Domingo Siazon, terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Putrajaya di sini, hari ini.

Domingo dalam rangka lawatan ke beberapa negara Islam yang menganggotai

OIC bagi mendapatkan sokongan untuk diterima sebagai pemerhati dalam persidangan pertubuhan itu yang akan datang.

Di samping itu, Domingo memberikan taklimat mengenai kedudukan dan perkembangan terbaru di Mindano termasuk berkaitan pungutan suara dan pilihan raya yang sepatutnya diadakan tahun ini.

Syed Hamid berkata, taklimat itu penting bagi membolehkan negara Islam dalam OIC faham di samping mendapat maklumat terkini berkaitan kedudukan di Mindano.

“Selain itu, dalam pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan turut menyentuh soal mempertingkatkan hubungan dua hala, perkembangan ekonomi serta usaha pemulihan ekonomi negara masing-masing.

“Filipina berharap pelabur negara ini akan terus berminat untuk melabur di sana memandangkan keadaan ekonomi negara ini yang pulih kini,” katanya.

Mengenai isu Kepulauan Spartly, Syed Hamid berkata perkara itu akan dibincangkan secara mendalam pada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama keempat yang akan diadakan esok.